

Faham Beruk Menurut Malik Bennabi dan Perkaitannya dengan Falsafah Pendidikan Negara

Berukism from Malik Bennabi's Thought and its Relationship with the National Education Philosophy

KHAIRIAH MOHD YASSIN

ABSTRAK

Faham beruk merupakan suatu faham kehaiwanan yang semakin menular dan membarah dalam kalangan masyarakat di Kepulauan Melayu. Faham kehaiwanan tersebut dibangunkan berdasarkan pemikiran Malik Bennabi. Ini kerana idea ulungnya tentang konsep manusia dan kemanusiaan bersifat sejagat yang turut terkait dengan masyarakat dari Alam Melayu. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji konsep faham beruk Malik Bennabi dan menganalisis perkaitan faham kehaiwanan tersebut dengan Falsafah Pendidikan Negara di Malaysia. Untuk itu kaedah kepustakaan digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan dan penganalisaan data. Data kajian diperolehi daripada karya-karya utama karangan Malik Bennabi. Kerangka konseptual dibentuk dan dimantapkan menggunakan kaedah analisis tekstual deskriptif. Daripada analisis tekstual tersebut, faham kehaiwanan berkenaan dihurai secara terperinci agar dapat menggabungjalin dan mencerakin idea Bennabi tentang konsep manusia dalam pembangunan peradaban. Hasil kajian mendapati bahawa faham beruk ialah suatu fahaman tersirat daripada kotak fikir Bennabi tentang permasalahan asas yang membelenggu manusia. Seterusnya, idea Bennabi berkisar persoalan manusia menitikberatkan dua aspek penting kemanusiaan iaitu keperibadian diri dan keintelektualan akal fikir. Penekanan terhadap dua aspek tersebut memperlihatkan kepentingan kajian ini kerana ia mempunyai perkaitan dengan elemen utama yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Negara iaitu elemen jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Elemen jasmani, emosi dan rohani berkait rapat dengan keperibadian diri. Elemen intelek pula berkaitan dengan konteks keintelektualan manusia.

Kata kunci: Faham Beruk; Malik Bennabi; Falsafah Pendidikan Negara; keperibadian; keintelektualan

ABSTRACT

Berukism is an idea that is increasingly widespread and endemic in Malay Archipelago society. Berukism is the thought developed based on Malik Bennabi's idea. His idea about the concept of man and humanity is universal and is also related to the people of the Malay world. This study aims to examine the concept of beruk from Bennabi's perspectives, and analyse the relevance of this concept with the National Education Philosophy in Malaysia. This study adopts library research methods that was fully utilised in the process of collecting and analysing data. The data were collected through Bennabi's major works. The conceptual framework was developed and enhanced using descriptive textual analysis. The idea of beruk will be further analysed in order to understand the concept of man in the development of civilisation. The study found that berukism evolves around Bennabi's implicit ideas on the fundamental problems that plague mankind. His ideas on the question of humans focus on two aspects i.e. personality and intellect. The emphasis on these two aspects show the significance of this study due to its relationship with the key elements in the National Education Philosophy such as physical, emotional, spiritual and intellectual (JERI). The physical, emotional and spiritual elements define the human personality, while the intellectual element relates to human intellect.

Keywords: Berukism; Malik Bennabi; National Education Philosophy; personality; intellectual

PENGENALAN

Sesungguhnya Bennabi yang membawa identiti pemikir peradaban abad ke-20 merupakan seorang figura hebat yang cukup sinonim dengan teori metaforanya iaitu: manusia+tanah+masa = peradaban. Teori tersebut merupakan gabungan tiga elemen ideal dalam merealisasikan sebuah peradaban. Persoalannya, kenapa tiga elemen tersebut? Apakah yang menyebabkan Bennabi mengemukakan tiga elemen tersebut?

Penekanan Bennabi terhadap tiga elemen tersebut adalah kerana beliau menganggap bahawa elemen manusia, tanah dan masa merupakan suatu penanda aras untuk merungkai permasalahan atau persoalan peradaban. Hal ini ditandai oleh peradaban yang secara keseluruhannya merupakan suatu yang dihasilkan oleh manusia berdasarkan sumber yang diperoleh daripada tanah dengan berpaksikan pada masa (Bennabi 1994; Bennabi 2005; Abdelaziz 2013)

Dalam konteks kajian ini, penghuraian lanjut secara khusus bertumpu kepada elemen manusia sahaja. Asasnya, manusia merupakan elemen khas-utama yang mengakari pembentukan dan pembangunan sesebuah peradaban sama ada ia (peradaban) sudah pupus atau masih wujud sehingga kini. Persoalannya ialah siapakah manusia pada pandangan Bennabi? Dan apakah nilai pentingnya sebagai asas dalam pembentukan dan pembangunan peradaban?

Mohamed El-Tahir (2007) menyatakan bahawa manusia pada perspektif Bennabi mempunyai dua identiti tersendiri. Pertamanya ialah identiti semulajadi yang berunsurkan sifat fizikal dan tidak boleh diubah kerana telah ditetapkan rupa bentuknya oleh Tuhan Yang Maha Pencipta iaitu Allah Ta'ala. Kedua, identiti sosial yang terbentuk berdasarkan gabungan akal fikiran dan psikologi melalui pengaruh masyarakat sekeliling serta warisan sejarah. Identiti sosial ini akan sentiasa mengalami perubahan disebabkan sesuatu permasalahan yang dihadapi diselesaikan dalam bentuk dan cara berbeza antara seseorang dengan seseorang yang lain.

Gabungan daripada dua identiti tersebut membolehkan manusia menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengurus tadbir dunia seisinya (Zaharah et al. 2015). Tanggungjawab tersebut merupakan nilai penting seseorang khasnya dalam ruang lingkup masyarakatnya serta masyarakat lain amnya (Moh. Nurhakim 2008).

Signifikannya, manusia juga cukup kuat mempengaruhi pembangunan masyarakatnya terutama dalam tiga aspek termaklum iaitu pemikiran, kerja dan harta. Aspek pertama iaitu pemikiran dapat didefinisikan sebagai “suatu semangat kerja yang digerakkan oleh dan mendapat inspirasi darinya, lahir dari bentuk-bentuk empirikal yang terdapat dalam lingkungan masyarakat dan muncul dalam kalangan orang yang hidup dalam lingkungan tersebut” (Bennabi 1994:105-106).

Keduanya ialah aspek kerja iaitu suatu cara yang dapat menggerakkan sesuatu benda atau perkara kepada tujuannya. Pemerihalan berikut ialah antara contoh kerja seperti “mengajar dan memberi pelajaran”, “membuang duri di tengah jalan”, “memberi nasihat dalam masalah kebersihan dan keindahan tanpa menyinggung orang yang diberi nasihat”, “menanam pokok”, serta “menggunakan masa kita untuk membantu orang lain” (Bennabi 1994; Bennabi 1979). Ketiganya ialah aspek harta, iaitu pemilikan terhadap tanah, wang ringgit, modal yang diwarisi atau diperolehi melalui kerja keras. Harta yang dimiliki seseorang dapat membantu orang lain sekiranya digunakan untuk tujuan kebajikan dan pembangunan masyarakat (Bennabi 1994; Bennabi 1987)

Rangkuman daripada tiga aspek tersebut menjelaskan bahawa manusia sesama manusia dapat saling mempengaruhi antara satu sama lain untuk pelbagai tujuan, termasuk proses pembangunan dan kemajuan masyarakat dalam konteks peradaban. Pemikiran yang terhasil atau dihasilkan dapat menjadi asas untuk mencorakkan dan menentukan alur susun kehidupan masing-masing. Kerja pula ialah suatu tindakan yang terhasil daripada inspirasi serta pengaruh pemikiran. Harta iaitu aspek ketiga yang dimiliki seseorang sama ada melalui warisan atau usaha kerja keras perlu dilaburkan sebijaknya untuk kegemilangan masa depan bangsa dan masyarakatnya. Himpunan penggunaan daripada tiga aspek termaklum ialah untuk mengubah keadaan manusia, mencipta lingkungan baharu baginya, dan dengan maksud yang lebih mendalam ialah memberi kehidupan insaniah kepada setiap orang.

Berdasarkan pandangan Bennabi di atas, kajian ini mendapati bahawa manusia merupakan elemen terpenting dalam menggerakkan dan membangunkan sesebuah peradaban. Sebagai elemen terpenting peradaban, manusia berperanan sebagai khalifah Allah dalam mengurus tadbir dunia ini.

Manusia turut bertanggungjawab dalam membina dan memperkasakan keintelektualannya. Keintelektualan tersebut perlu ditekankan kepentingannya khususnya melalui proses pendidikan. Ia penting kerana elemen keintelektualan dapat meletakkan manusia pada suatu kedudukan yang mulia serta menjadi pemangkin kepada ketahanannya untuk terus mengekalkan hidup dan sejarah bangsanya dalam warisan ketamadunan.

Namun harus diakui bahawa penanggungjawaban tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh segelintir manusia sahaja. Golongan manusia tidak bertanggungjawab ini telah mewujudkan kepelbagaian sifat berbentuk kehaiwanan dalam kehidupan berperadaban. Kewujudan manusia sebegini merupakan suatu krisis keintelektualan. Persoalannya, siapakah golongan manusia tersebut? Apakah ciri signifikan yang mentamsilkan mereka sebagai manusia bersifat kebinatangan dalam kehidupan? Bagaimanakah kaedah pemulihan terbaik yang dapat merawat dan mengubati golongan bermasalah dan tidak bertanggungjawab ini?

Dalam usaha merungkai setiap persoalan tersebut, kajian ini mengemukakan dua objektif utama untuk diselidiki sedalam mungkin, iaitu (i) meneliti konsep faham kehaiwanan iaitu faham buruk daripada perspektif Bennabi, dan (ii) menyelidiki perkaitan faham kehaiwanan tersebut dengan Falsafah Pendidikan Negara dalam konteks pembangunan peradaban.

METOD KAJIAN

Kajian kepustakaan digunakan sepenuhnya dalam usaha meneliti penyakit atau faham kehaiwanan yang dimaksudkan oleh Bennabi dalam karya-karya intelektualnya. Teks utama Bennabi yang digunakan ialah *Islam In History and Society*, *Vocation De' Islam*, *Shurut al-Nahdah* dan *Membangun Dunia Baru Islam* (karya Bennabi dalam terjemahan Bahasa Melayu). Analisis tekstual deskriptif diaplikasikan dalam menganalisis pemikiran Bennabi terkhas kepada faham kehaiwanan atau kebinatangan ini. Penganalisaan tersebut dimantapkan dengan membanding dan menggabungkan idea Bennabi dengan tokoh pemikir Melayu seperti Za'ba, Hamka,

Syed Hussein Alatas, Syed Muhammad Naquib Alatas dan Mahathir Mohamad, selain turut menengahkan pandangan ilmuwan Islam seperti Imam Al-Ghazzali khasnya dalam faham kehaiwanan yang berkaitan.

HASIL KAJIAN

Keterlibatan manusia dalam kepelbagaian aktiviti ketamadunan melambangkan nilai pentingnya sebagai elemen dalam peradaban. Namun kewujudan manusia yang pelbagai ragam sikap dan tingkah laku menjadi pencorak dan pencetus kepada terkehadapan atau terkebelakangnya sesebuah bangsa, masyarakat atau negara dalam konteks dunia berperadaban. Keadaan ini mendorong Bennabi mengemukakan pelbagai idea dan pandangan terhadap kepelbagaian tingkah laku manusia, khususnya yang negatif sifatnya. Ini kerana sifat negatif yang membelenggu diri dan masyarakat akan memberikan kesan merosakkan kepada pembangunan bangsa.

Shaharir (2012) menyatakan bahawa tingkah laku manusia dari kaca mata Islam sering digambarkan sebagai mereka yang tidak selalu menggunakan akal atau fikiran sehingga menyebabkan Allah Ta'ala mengungkapkan kata-kata peringatan-Nya: "tidakkah kamu berfikir?", dan "tidakkah kamu bertaakul?". Tegasnya lagi manusia yang rasional juga boleh menjadi lebih rendah daripada haiwan seperti mana yang diungkapkan oleh Allah Ta'ala dalam Surah al-Tin 95: 4-5 yang bermaksud: "Sesungguhnya telah Kami ciptakan manusia itu atas sebaik-baik pendirian. Kemudian itu, Kami jatuhkan dia kepada serendah-rendah yang rendah". Kerendahan manusia berlaku daripada tingkah laku mereka sendiri yang tidak beradab sehingga meletakkan mereka lebih rendah daripada spesies haiwan.

Justeru, tingkah laku negatif yang melanda manusia menggusarkan ramai pihak termasuk cendekiawan seperti Bennabi. Ini berdasarkan peringatan tegas Bennabi bahawa "sebelum sesuatu masyarakat itu menjadi musnah sama sekali, penyakit akan menyerap masuk ke dalam jasad masyarakat [manusia] tersebut", dan "keadaan penuh berpenyakit ini mungkin mengambil masa yang panjang atau singkat sebelum ia sampai ke tahap sama sekali hancur" (Bennabi 2009:52).

ANALISIS PERTAMA: FAHAM BERUK DALAM KONTEKS REALITI KEHIDUPAN BERPERADABAN

Beruk merupakan satu istilah yang diungkapkan oleh Bennabi apabila membincangkan mengenai manusia dalam konteks peradaban. Istilah ini merujuk kepada perumpamaan Bennabi berbunyi “lebih sukar untuk mengenal dan melahirkan manusia sesuatu peradaban daripada...mengajar seekor beruk mengikat tali leher” – sementara tulisan asalnya, “*plus difficile de connaître et de faire l’homme d’une civilisation d’habituer un singe à porter une cravate*” (Bennabi 2006:75).

Namun istilah tersebut sekadar sebuah paparan dalam bentuk perumpamaan yang tidak ditakrifkan secara jelas mahupun terperinci oleh Bennabi dalam mana-mana karya penulisannya. Pada hemat penulis, faham beruk merupakan suatu simbolik kepada sifat kehaiwanan atau kebinatangan yang membelenggu manusia dalam mana-mana peradaban sekalipun. Berikut dikemukakan beberapa pertimbangan yang menggambarkan faham kehaiwanan tersebut.

Pertama, faham beruk merupakan suatu simbol kepada manusia yang berfikiran sempit dan berpandangan dangkal, serta bertingkah laku **antimanusiawi** (sehingga sanggup melakukan jenayah seperti membunuh, membuang bayi, merempit, merosakkan harta awam atau vandalisme) kerana tidak mahu menerima perubahan positif dan progresif sama ada dalam bentuk keperibadian dan keintelektualan. Merujuk kajian Fawzia (1992) dan Ali (1996), didapati bahawa Bennabi berpandangan manusia bermasalah seperti ini (berfikiran sempit dan berkelakuan buruk) turut melanda masyarakat Muslim sehingga memungkinkan mereka dijajah dan terkebelakang dalam banyak hal dan perkara.

Bennabi menegaskan bahawa mereka memiliki otak, tetapi yang tidak ada pada golongan berfahaman kehaiwanan tersebut ialah “otak yang memiliki kemahuan dan kesedaran”. Golongan sedemikian turut dianalogikan sebagai “orang [yang] tidak berfikir apa yang dilaksanakan, tetapi [lebih banyak] berkata-kata”. Mereka menjadi barah kepada masyarakat apabila mereka ini turut “membenci orang yang berfikir secara mendalam”, serta beranggapan idea tidak dapat berubah menjadi suatu tindakan atau perbuatan bermakna (Bennabi 1994:109). Sikap sedemikian sebenarnya merupakan asas kepada kerosakan serta kemandulan masyarakat, termasuklah masyarakat Melayu dan Islam.

Pendita Za’ba menyatakan manusia yang sering melakukan kesalahan dan kesilapan termasuk berkaitan fikirannya, perangai serta kelakuannya “telah menyimpangkan mereka daripada kehendak-kehendak kebenaran” dan turut menyebabkan “mereka jatuh dan ketinggalan [dalam hidup] beberapa lama” (Za’ba 1984:100). Ini bermakna, manusia yang berfikiran sempit, berpandangan dangkal serta bertingkah laku dungu merupakan golongan-golongan yang telah jauh tersimpang daripada kebenaran Ilahi; akhirnya menyebabkan mereka menjadi sumber perosak seumpama “musuh dalam selimut” kepada pembangunan bangsa dan masyarakatnya sendiri.

Kedua, faham beruk merupakan simbolik kepada manusia yang berpenyakit bodoh serba serbi dan berlagak pandai serba tahu (Bennabi 1994; Ali 1996). Bodoh dalam konteks ini ialah penyakit yang serba serbi tidak tahu **kerana sikap tidak mahu ambil tahu atau buat-buat tidak tahu**. Berlagak pandai pula ialah penyakit yang serba serbi tahu semua perkara **akibat keegoan dirinya dan tidak mahu mengakui kelemahannya sebagai manusia biasa**. Golongan ini telah hilang kepekaan kerana elemen peka tersebut membeku, menggumpal dan mendiam dalam diri.

Bennabi menegaskan penyakit bodoh dan buta huruf dapat disembuhkan. Akan tetapi mereka yang mempunyai sindrom berlagak pandai ini terlalu sulit untuk diubah atau dipulihkan. Ini kerana mereka yang berpenyakit sebegini dikatakan Bennabi sebagai “belum tentu memiliki ilmu yang dapat menjadikan dirinya berhati nurani”, dan ilmu yang diperolehi mereka hanya dijadikan sebagai “alat mencari kehidupan” serta “batu loncatan” untuk memiliki kuasa dan hidup senang (Bennabi 1994:101). Sikap sebegini dipersonafikasikan sebagai **kegagalan** menggunakan sesuatu menurut tujuannya. (Bennabi 1994; Bennabi 1979).

Simbol faham beruk kedua ini sinonim dengan ulasan Syed Hussein al-Attas dalam bukunya *Intellectuals in Developing Societies* (1977) berasaskan istilah bebalisme yang dikemukakannya. Bebalisme merupakan istilah Melayu iaitu bebal yang bermaksud bodoh, malas dan degil (*stupid, indolent and stubborn*). Bebalisme ialah suatu tingkah laku yang memiliki ciri-ciri seperti kebodohan-kejahilan, kedegilan, kemalasan serta sikap acuh tidak acuh terhadap perkara-perkara penting.

Syed Hussein (2001) turut senada dengan Bennabi apabila berpandangan sindrom kebalan dan kebodohan ini turut dihidapi oleh golongan

berpendidikan dan golongan yang berkuasa. Mereka ini dikategorikan sebagai orang yang berlagak pandai, iaitu segolongan manusia yang menghadapi sindrom watak dan pemikiran tertawan (Syed Hussein 1977; Azmi 2012). Golongan sebegini boleh dilihat dalam kalangan ahli parlimen, menteri kabinet, peguam, ahli fizik, ahli sejarah, ahli ekonomi, ahli sosiologi dan sebagainya. Golongan berpendidikan ini dianggap bodoh lagi bebal apabila mereka tidak mampu memahami sesuatu permasalahan, serta tidak dapat menyesuaikan diri dengan keadaan tertentu seperti suatu situasi yang meletakkan merit dan kerja keras sebagai kriteria utama untuk berjaya.

Golongan bodoh serba serbi ini dianalogikan seperti “udang tahi di kepala” kerana kebodohan mereka sendiri. Orang berlagak pandai serba tahu pula diumpamakan seperti “ular lidah bercabang” kerana sanggup **manipulasi dan mengeksploitasi** orang lain untuk kepentingan diri mereka sendiri. Dua golongan ini sebenarnya sangat berbahaya jika dibiarkan kerana mereka inilah “sampah hanyut” dalam sesebuah masyarakat yang boleh menyebabkan sesuatu kerosakan terhadap pembangunan dan kemajuan masyarakat mereka sendiri.

Ketiga, faham buruk merujuk kepada simbol manusia yang senang dalam mempertahankan tradisi kolot (Bennabi 1994; Fawzia 1993). Misalnya segelintir mereka yang mengamalkan kepercayaan karut-marut bak kata pepatah Melayu “biar mati anak jangan mati adat”) dan **kepercayaan** lapuk (seperti “katak di bawah tempurung” iaitu golongan yang **buta mata** terhadap pelbagai urusan kehidupan) yang tidak mempunyai peranan dan kepentingan terhadap kehidupan berperadaban.

Ciri ini ialah berasaskan pandangan **tegas** Bennabi: “tiadanya upaya kita [masyarakat] untuk menjernihkan tradisi-tradisi dan kehidupan kita dari[pada] faktor-faktor yang menimbulkan kemerosotan yang melekat pada diri” (Bennabi 1994:100). Tambahan pula, mereka ini merupakan sekelompok manusia yang mudah berasa puas dengan diri mereka sendiri tanpa perlu melihat, memahami dan mencari sesuatu yang baharu daripada kebiasaan-kebiasaan [bobrok] yang melingkungi [hidup] mereka. (Bennabi 1994:101). Tegas Bennabi lagi, “kita lupa bahawa masalah kita terletak pada tradisi-tradisi yang kita lakukan... kekurangan yang biasanya dimiliki oleh setiap bangsa yang [masih] tidur berpanjangan” (Bennabi 1994:63).

Penegasan Bennabi senada dengan kritikan Za’ba. Tokoh intelektual Melayu tersohor ini mengemukakan kekolotan dan kelapukan ini dengan lantang dan tajam: “berkokok pada jalan yang telah hanyut dari tujuan asalnya dan bukan pula berdegil hendak menyimpan jalan fikiran lama yang telah membeku [men]jadi adat atau kepercayaan-kepercayaan lama yang sudah berkulat dan bercendawan!” (Za’ba 1984:38). Ini kerana ketaksuban melampau terhadap tradisi kolot dan lapuk menyebabkan kebangkrapan keperibadian dan kemuffisan keintelektualan sesebuah bangsa. Golongan ini diumpamakan “anjing bercawat ekor” kerana tidak mahu mengikut perubahan masa, sedangkan keadaan di sekelilingnya telah berubah mengikut kesesuaian zamannya.

Keempat, faham buruk secara simboliknya ialah manusia yang mengalami kecelaruan dengan identiti dirinya sendiri kerana kegagalan dalam mengenal pasti kelemahan atau keburukan (seperti bersikap pengecut dan bertindak semberono) mahupun kekuatan atau kebaikan (seperti keberanian dalaman diri untuk berusaha memperjuangkan dan mempertahankan kebenaran) yang ada pada diri dan bangsanya. Kecelaruan tersebut menyebabkan mereka mundur dan terkebelakang dalam sejarah ketamadunan sejagat. Kajian Norazlan Hadi dan Aiza (2014) menjelaskan bahawa kemunduran dan keterbelakangan yang dimaksudkan oleh Bennabi berlaku akibat daripada tahap kesedaran yang lemah dalam kalangan bangsa manusia itu sendiri.

Mengambil contoh pandangan Bennabi bahawa masyarakat Islam sebenarnya telah kehilangan keseimbangan diri, dan sehingga kini tetap terumbang-ambing dalam kehidupan mereka (Bennabi 1994; Bennabi 2005). Kehilangan keseimbangan diri disebabkan oleh manusia sebegini sebenarnya tidak mempunyai identiti sendiri serta belum betul-betul mengenali diri serta bangsanya. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kecelaruan identiti diri, masyarakat serta bangsa mereka sendiri.

Kecelaruan identiti ini turut melanda masyarakat di Alam Melayu. Kecelaruan tersebut pernah digambarkan oleh Mahathir seumpama sebuah masyarakat yang lebih mementingkan rupa bentuk luaran berbanding isi kandungan yang sebenarnya. Sikap negatif ini telah menyebabkan segelintir masyarakat Melayu lebih mengutamakan status rasmi yang bersifat formal daripada suatu kuasa yang ada bersama-sama status tersebut (Mahathir 1970).

Kecelaruhan identiti ini mungkin dihidapi oleh sesiapa sahaja dalam mana-mana masyarakat sekalipun. Hal ini ditandai oleh kesukaran mereka untuk mengenal pasti kelemahan dan kelebihan diri kerana mereka tidak atau belum betul-betul mengenali diri mereka sendiri. Kesukaran tersebut mendorong mereka melakukan sesuatu tindakan di luar kewarasan akal fikiran. Tingkah laku tanpa berfikir yang dipamerkan sudah tentu kelihatan sangat buruk lagi hodoh pada pandangan mata sesiapa sahaja, sehingga dianggap sebagai “anjing kepala buruk” yang sangat dibenci oleh masyarakatnya.

Kelima, faham buruk ialah simbolik kepada manusia yang tidak memiliki maruah atau harga diri iaitu golongan yang tidak mahu atau enggan untuk mempertahankan hak dan kepentingan diri serta bangsanya di tanah airnya sendiri. Manusia seperti ini mengundang masalah kepada institusi kemasyarakatannya sekaligus turut menyumbang kepada permasalahan dalam ketamadunannya (Bennabi 1994; Mohamad Kamil 1995).

Faham kehaiwanan ini merujuk pernyataan Bennabi bahawa “terdapat segelintir manusia yang mengabaikan hak diri sendiri dan hak orang lain”, iaitu “hak yang dianggap sebagai sebuah ilusi dan dipandang remeh” oleh pihak lain. Pengabaian tersebut berlaku apabila golongan terlibat enggan atau tidak bersedia untuk menempuhi kesusahan dalam hidupnya (Bennabi 1994). Golongan yang dimaksudkan ialah mereka yang mempunyai masalah keperibadian dan personaliti. Hal ini berlaku apabila seseorang telah kehilangan panduan dan pedoman hidup, selain kehilangan nilai-nilai bermanfaat bagi dirinya serta bangsanya (Bennabi 1991; Bennabi 1994).

Permasalahan yang timbul ialah golongan sebegini akan membesar sebagai seorang yang lemah dan lemban, atau seperti seorang pengemis yang kehilangan kehormatan diri apabila berusaha mendapatkan belas kasihan orang lain tanpa berusaha menggunakan kekuatan fizikal dan intelek yang dimiliki (Bennabi 1994).

Sesungguhnya, permasalahan sebegini sebenarnya sudah melanda masyarakat Melayu sejak lama dahulu (sebelum merdeka lagi). Keadaan ini berlaku akibat daripada sikap orang Melayu sendiri yang tidak memiliki keberanian serta ketegasan dalam mempertahankan hak-hak mereka. Mahathir (1970:160) berpendapat “ketegasan sama sekali bukanlah sifat orang

Melayu”. Tambah beliau lagi “jenis keberanian yang memerlukan ketegasan dan memegang teguh kepada prinsip jarang ada di [dalam] kalangan orang Melayu” (Mahathir 1970:160). Pada hemat penulis, kelemahan ini bukanlah watak nasional Melayu secara menyeluruh kerana sifat sedemikian turut terpalit pada semua bangsa manusia secara merata.

Manusia yang mengabaikan hak diri serta bangsanya dianggap sebagai orang yang tidak berguna dalam lingkungan masyarakatnya. Mereka ini tidak dapat diharapkan sama sekali untuk menjadi pemangkin kepada kemajuan masyarakat. Ia ditandai oleh sikap atau tingkah laku mereka yang boleh (dalam bila-bila masa sahaja) menjadi “api dalam sekam”: secara diam-diam menjadi perosak kepada kemartabatan bangsanya serta pemburuk terhadap keprestijian masyarakatnya. Sesungguhnya, keengganan untuk mempertahankan hak sama ada untuk diri sendiri atau orang lain akan menerima kesan dan akibatnya daripada Allah Ta’ala. Ia bertepatan melalui firman-Nya: “Dan Barang siapa berbuat demikian dengan melanggar hak dan aniaya, maka Kami kelak akan memasukkannya ke dalam neraka. Yang demikian itu adalah mudah bagi Allah Ta’ala. (Surah An-Nisa’ 4: 30).

Keenam, faham buruk merupakan simbol manusia yang mengalami kesongsangan sikap dan pendirian (seperti orang yang tidak mempunyai ketinggian integriti diri tetapi bertindak sebaliknya (misalnya tergamak menjual kemerdekaan negaranya sendiri untuk kepentingan peribadi sekali gus mencabuli etika kemanusiaan). Sikap sebegini ditegaskan Bennabi sebagai suatu penyakit moral yang melanda manusia serta bangsanya (Bennabi 2009; Fawzia 1993; Ali 1996).

Bennabi turut berpandangan masyarakat Islam itu sendiri sedang mengalami suatu kegelisahan dan kekeliruan kerana tidak tahu jalan mana yang harus ditempuh (Bennabi 1994). Kegelisahan serta kekeliruan tersebut memperlihatkan mereka tidak mempunyai pendirian serta prinsip hidup berintegriti tinggi. Jiwa mereka bercelaru, fikiran mereka berserabut. Kesemuanya ini akibat desakan hidup yang tidak terkendali atau akibat runtunan kepentingan duniawi yang liar.

Manusia songsang ini merupakan orang yang hina kerana sanggup mengambil atau mengabaikan hak orang lain semata-mata untuk memperolehi harta atau kuasa yang dijanjikan. Konfusius

berkata, “bagi orang budiman mencari [sesuatu] daripada diri sendiri, sebaliknya orang yang hina mencari [sesuatu] daripada orang lain” (Abdul Salam 2015:134). Mencari bagi orang hina pada maksud Konfusius ialah mengambil hak atau merebutkan sesuatu daripada orang lain termasuk merampas hak kebebasan dan kemerdekaan seseorang untuk kepentingan diri sendiri. Pengabaian terhadap hak orang lain ialah salah satu pengkhianatan. Pengkhianatan ialah musuh dalam selimut. Memetik ungkapan Nordi (2011:28), “musuh tersembunyi [dalam selimut] manusia ialah pendustaan, kecurangan dan pengkhianatan”.

Golongan manusia yang memiliki kesongsangan sikap dan pendirian ini diumpamakan seperti “duri dalam daging” dalam kehidupan bermasyarakat. Ini kerana mereka boleh bertindak di luar batasan sehingga sanggup “menikam belakang” bangsanya sendiri demi mengaut keuntungan atau kemewahan yang dijanjikan oleh pihak lain yang berkepentingan.

Ketujuh, faham beruk dipersonifikasikan sebagai manusia yang hidup bertopengkan pemalsuan atau kepalsuan, seperti golongan ulama palsu, intelektual palsu dan pemimpin palsu. (Bennabi 1994; Fawzia 1992). Bennabi (1994:101) menjelaskan golongan seperti ini melakukan penipuan kerana menginginkan status, kedudukan serta nama baik dalam kalangan masyarakat. Golongan penuh kepura-puraan ini “laksana kerbau, di mana ada rumput menghijau, di sana ia pasti menerkam”.

Seperti disebutkan di atas, penyakit penipuan dan pemalsuan turut melibatkan golongan agamawan serta golongan terpelajar. Di sinilah munculnya ulama palsu iaitu pihak yang menggunakan agama sebagai batu loncatan untuk mendapatkan perhatian, memenuhi kepentingan dirinya, selain dapat menaikkan status dan namanya dalam lingkungan masyarakatnya dan masyarakat lain.

Sindrom pemalsuan ini turut berlaku pada masa kini. Syed Muhammad Naquib (2007:69) menegaskan zaman ini “sebagai suatu zaman yang amat genting dengan peristiwa pergolakan dalam pemikiran dan agama”. Pergolakan tersebut berlaku apabila berlakunya penyeludupan (termasuk perkara-perkara negatif) “ke dalam pemikiran dan kepercayaan orang Islam”. Penyeludupan tersebut turut dilakukan oleh “sarjana-sarjana moden Islam sendiri yang keliru, termasuk golongan terpelajar dan petualang akademis [sarjana], penulis-penulis

kewartawanan dan pengekor mereka” malah terangkum bersamanya, segolongan manusia “yang berlagak sebagai ulama’, kelompok pelampau dan penyeleweng yang berpuak” (Syed Muhammad Naquib 2007:69).

Kewujudan manusia sebegini sudah pasti mengukar-kacirkan dan memporak-perandakan masyarakatnya. Sebenarnya, golongan ini lagi berbahaya umpama “musuh dalam selimut” kerana mereka sanggup menipu masyarakat dengan menggunakan ilmu dan agama.

Kelapan, faham beruk merupakan simbol kepada manusia yang tidak berkeupayaan mencabut kesan-kesan dan faktor-faktor kemerosotan dalam diri serta bangsanya sendiri. Simbol kehaiwanan ini disandarkan kepada penegasan Bennabi (1994:109) bahawa “bahagian terbesar daripada kehidupan kita sehari-hari tidak efektif [sia-sia]”. Ini kerana manusia menghabiskan sebahagian besar masanya terbiar begitu sahaja dan digunakan untuk usaha-usaha yang sia-sia (Bennabi 1994; Fawzia Bariun 1992).

Merujuk simbol manusia sebegini dalam masyarakat Melayu dapat diteliti dengan memperhalusi sikap mereka terhadap masa. Mahathir (1970) menegaskan terdapat suatu sikap bangsa Melayu yang menyebabkan mereka terus tertinggal serta terkebelakang daripada bangsa-bangsa lain – Cina dan India (dalam konteks di Malaysia). Kebanyakan masyarakat Melayu pada Mahathir sering menghabiskan masa mereka begitu sahaja tanpa melakukan perkara-perkara yang bermanfaat untuk diri mereka sendiri. Bagaimanapun, ini bukanlah bermakna setiap atau seluruh orang Melayu berperangai malas. Pandangan Mahathir dalam persoalan ini harus dibataskan. Watak malas tidak diturunkan Allah terhadap bangsa Melayu, bahkan tidak ada pada genetik Melayu. Jika benar semua orang Melayu berperangai malas, sudah pastilah spesis bangsa Melayu pupus di atas muka bumi ini. Hakikatnya, penyakit malas ada pada mana-mana makhluk bernama manusia, namun kebenaran faktual ini terkesamping daripada pengamatan Mahathir.

Tidak menghargai waktu dan membuang masa dengan perkara sia-sia merupakan sikap negatif yang merosakkan dan boleh dihidapi oleh mana-mana bangsa manusia sekalipun. Seharusnya, sikap tersebut diselidiki dan dihapuskan agar tidak terus dihidapi oleh sesiapa sahaja termasuk masyarakat Melayu. Ingin ditegaskan di sini, pembuangan masa

serta melakukan sesuatu yang sia-sia merupakan antara sikap buruk yang menyebabkan seseorang atau sesebuah bangsa mengalami kegagalan atau kerugian dalam hidup serta menjadi sampah busuk atau virus berpenyakit dalam masyarakat seumpama “kerbau bertanduk runcing”.

Kesembilan, faham buruk merujuk kepada manusia yang dikategorikan sebagai enggan masuk ke dalam alur sejarah. Manusia dalam pengkategorian ini diumpamakan seperti golongan yang jumud – masih mengamalkan tradisi-tradisi jumud serta bersikap diam membisu dan membeku dalam kepantasan pergerakan dunia berperadaban. Bennabi menegaskan golongan sebegini telah “menjadi sumber permasalahan di dunia Islam [termasuk Malaysia]” (Bennabi 1994:95; Mohammad 2008:69).

Dalam konteks ini, Hamka (2008:21) pernah mengulas manusia jumud ibarat “belum mati, belum bercerai nyawa dari badan, namun jiwa[nya] terlebih dahulu mati”. Ini kerana kejumudan (fikiran dan sikap) menyebabkan kehormatan mereka sebagai manusia jatuh dan turun kepada martabat binatang. Mereka dikategorikan dalam tahap kebinatangan kerana hidup mereka sekadar untuk memuaskan hawa nafsu haiwani seperti makan dan minum, serta tidak berjihad untuk memperbaiki taraf hidup mereka sendiri apatah lagi untuk mencipta kegemilangan sejarah bangsa dan nusa.

Golongan ini turut tidak mempunyai sebarang keinginan atau kesungguhan untuk meninggalkan nama baik lagi bermanfaat di dunia ini. Golongan manusia ini dipersonafikasikan sebagai “kambing dimandikan pagi”: manusia yang sangat ketara kejumudannya dalam melakukan apa sahaja tugas atau tanggungjawab. Sehingga akhirnya golongan ini menjadi “seperti kaduk kena siram air tahi” dalam lingkungan bangsa dan masyarakatnya sendiri.

Kesepuluh, faham buruk ini merujuk kepada manusia yang memiliki elemen kesombongan dan ketakburan diri (Bennabi 1994; Norazlan Hadi & Aiza 2014). Sikap sebegini diketengahkan di sini berdasarkan beberapa petikan yang diambil Bennabi daripada ayat al-Qur’an dan al-Hadith yang bertemakan sombong-angkuh. Misalnya, gugusan ayat-Nya: “Sederhanalah dalam berjalan” dan “Janganlah kamu berjalan di muka bumi [Allah ini] dengan angkuh” (Surah Luqman 31:18-19).

Selain ayat al-Qur’an, Bennabi turut memetik hadith Nabi s.a.w tentang sifat buruk tersebut (Bennabi 1994). Hadith dimaksudkan ialah daripada Sahih Muslim, Jil. I: 193, No. 147, Musnad Ahmad, Jil. I: 299. Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

“Tidak akan masuk syurga orang yang di dalam kalbunya terdapat sebiji sawi kesombongan.” Seseorang bertanya kepada Baginda s.a.w., “Bagaimana jika ada seorang lelaki yang senang jika baju dan terompahnya bagus”? Nabi s.a.w. menjawab bahawa “Sesungguhnya Allah itu indah dan mencintai keindahan. Yang namanya sombong ialah menolak kebenaran dan menghalangi manusia daripada kebenaran.”

Kesombongan ialah sikap yang amat buruk dan memberi impresi buruk-rakuk. Golongan ini dipersonafikasikan seumpama “gajah terdorong kerana gadingnya, harimau terlompat kerana belangnya”. Justeru, Imam al-Ghazzali berpandangan kesombongan menyebabkan diri seseorang dicela dan maruahnya direndahkan. Celaan dan kerendahan tersebut dapat menghalangi manusia sebegitu daripada menerima sebarang nasihat dan ilmu pengetahuan (Al-Ghazzali 2015a). Al-Ghazzali turut menegaskan orang yang sombong lagi angkuh ini dapat merosakkan ilmu yang dimilikinya kerana nilai ilmunya akan menjadi sia-sia serta merosakkan seumpama “banjir yang dapat menghancurkan [menenggelamkan] tempat yang tinggi” (Al-Ghazzali 2015b:356).

Secara rangkumannya, dapat difahami di sini golongan manusia berfahaman buruk ini sebenarnya menjadi parasit kepada bangsa dan masyarakatnya. Hal ini ditandai oleh keenggan serta kedegilan mereka untuk memperbaiki diri, keluarga mahupun masyarakatnya menuju kehidupan yang lebih baik. Keadaan ini akan semakin memburuk apabila tiadanya keinsafan diri yang mendalam: sifat-sifat negatif tersebut bukan hanya merosakkan malah lebih teruk lagi boleh merendahkan maruah diri serta melucutkan keperibadian bangsanya sendiri.

Kewujudan manusia sebegini menyebabkan Bennabi amat menekankan dua konsep utama dalam penulisannya, iaitu keperibadian – menyangkut tentang bakat dan sikap dan keintelektualan – mencakupi intelektualisme diri sebagai individu dan masyarakat. Dua pendekatan tersebut amat ditekankan khasnya dalam konteks pendidikan. Ini kerana melalui pendidikan, proses pemantapan pembentukan keperibadian dan keintelektualan dapat dilaksanakan secara komprehensif dan progresif.

Seterusnya, perbincangan akan berfokus kepada perkaitan antara faham buruk dengan falsafah pendidikan. Tujuannya ialah untuk mengenal pasti elemen asas dalam pendidikan yang dapat digunakan untuk menyelesaikan permasalahan manusia bersifat dan bersikap kehaiwanan ini.

ANALISIS KEDUA: FAHAM BERUK DAN PERKAITANNYA DENGAN FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

Jika diamati, konsep faham buruk Bennabi merujuk kepada jenis manusia yang sememangnya wujud dalam mana-mana peradaban sekalipun. Justeru, pada bahagian ini akan diusahakan untuk menggabungkan idea Bennabi dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk memperlihatkan kekuatan ilmu pendidikan sebagai ubat mujarab kepada masalah sifat dan sikap manusia yang dibaluti dengan unsur-unsur kebinatangan atau kehaiwanan. Ini penting kerana sifat dan sikap buruk yang ditamsilkan dengan faham kehaiwanan tersebut perlu segera diubah dan dicari jalan penyelesaiannya agar tidak memburuk lagi membusuk dalam kalangan masyarakat berperadaban.

Pujangga Hamka pernah menitipkan pesanan bahawa “keutamaan budi, itulah tujuan yang akhir. Dan menyingkirkan diri dari kebinatangan, itulah cita-cita yang mulia” (Hamka 2008:4). Manakala Pendita Za’ba turut mengingatkan bahawa manusia khususnya masyarakat Islam perlu berjuang memperbaiki akhlak diri, sifat-sifat perangai, budi pekerti, kelakuan hidup, berjuang memperbaiki segala kekurangan, serta berjuang mengusahakan segala kebajikan dan menjauhi segala kejahatan (Za’ba 1984).

Sesungguhnya, perjuangan ke arah perubahan yang positif dan membina hanya dapat dilakukan oleh individu dan bangsa itu sendiri. Ini bertepatan dengan ayat Allah Ta’ala: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan mereka yang mengubah nasib mereka sendiri” (Surah al-Ra’d 13: 11). Peringatan daripada Allah Ta’ala tersebut bertujuan untuk mendidik manusia berfikir dengan akal dan mata hati supaya melakukan perubahan atau berubah kepada keadaan yang lebih baik.

Seterusnya, Bennabi berpandangan ajaran Islam yang asli terangkum dalam dua formula utama iaitu mencintai kebaikan dan membenci kejahatan. Formula tersebut berlandaskan pedoman daripada kitab agung al-Qur’an dan sumber al-Hadith (Abdelaziz 2013). Formula yang dikemukakan ini menjelaskan manusia yang berfahaman buruk atau lebih teruk bersifat seperti itu adalah perlu dibenci kerana elemen kejahatannya.

Di sinilah terletaknya perkaitan antara konsep faham buruk Bennabi dengan falsafah pendidikan. Ia berkait rapat dengan penekanan Bennabi terhadap pembentukan elemen berkeperibadian mulia dan berkeintelektualan tinggi ke dalam diri setiap individu dan masyarakat. Dua elemen tersebut tegas Bennabi perlu diterapkan dan digunapakai dalam usaha menyembuhkan manusia daripada sebarang sifat dan sikap kehaiwanan termaklum.

Dengan makna lain, pembentukan keperibadian dan keintelektualan dapat dilaksanakan sebaiknya melalui proses pendidikan (Faisal & Bagley 2015). Pendidikan juga dapat menginsankan manusia kerana melalui pendidikan maruah dan kehormatan seseorang begitu dititikberatkan (Hasni 2015; Saharia 2015). Hal ini ditandai oleh pendidikan yang dilalui setiap orang melalui proses asuhan, ajaran, teguran dan nasihat daripada golongan pendidik dan ilmuwan berwibawa (Sofiah, Kamarul & Muhammad 2016). Setiap proses ini sudah pasti dapat membantu mengubati manusia yang mempunyai sedikit, atau sebahagian, atau keseluruhan daripada sindrom faham buruk tersebut.

Dalam konteks Malaysia, merujuk kepada Falsafah Pendidikan Negara dapat ditelusuri berdasarkan bait berikut:

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” (Omar 1991:267).

Cakupan penting daripada falsafah pendidikan tersebut diperkukuhkan dengan matlamat pendidikan negara. Intipati utamanya merujuk kepada enam ciri berikut (Suffian 1993):

1. percaya dan patuh kepada Tuhan
2. berilmu pengetahuan; berakhlak mulia
3. bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara
4. memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu
5. memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

Daripada falsafah pendidikan di atas wujud beberapa elemen yang ada kaitannya dengan kewujudan faham buruk tersebut. Ia merujuk kepada konsep JERI – jasmani, emosi, rohani dan intelek. Ini berdasarkan intipati dalam falsafah tersebut iaitu “melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual” (Omar 1991:267). Intipati falsafah ini sebenarnya adalah sebuah paparan penting terhadap pelaksanaan usaha yang giat dan aktif melalui pendidikan untuk melancarkan proses pembentukan manusia yang seimbang (Mohd Shafiee et al. 2015), termasuklah memudahkan usaha merawat manusia yang berpenyakit seperti faham buruk ini.

Jika merujuk kepada elemen keperibadian Bennabi, ia berkait dengan konsep jasmani, emosi dan rohani dalam falsafah pendidikan. Jasmani asasnya dimaknai sebagai badan, tubuh atau mengenai benda. Emosi pula bermaksud perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut dan lain-lain; keadaan perasaan atau fikiran yang terangsang dan melibatkan perubahan psikologi dan fisiologi pada seseorang. Rohani didefinisikan sebagai roh, batin-jiwa, perkara yang lain daripada kebendaan (Kamus Dewan 2010).

Daripada makna asas tersebut didapati jasmani merujuk kepada fizikal atau bentuk tubuh seseorang; emosi ialah ekspresi yang diserlahkan melalui golongan/mainan perasaan dalaman; sementara rohani pula merujuk kepada kejiwaan atau spiritual seseorang. Penekanan terhadap tiga elemen tersebut dalam pendidikan berdasarkan pertimbangan berikut. Kesemua elemen energetik – jasmani, emosi dan rohani – perlu diberi perhatian secara seimbang. Tujuannya, supaya manusia mempunyai kekuatan badan, emosi yang tenang dan stabil, serta rohani yang kuat. Gabungan ketiga-tiga elemen tersebut akan membentuk keperibadian seseorang. Keperibadian tersebut bersangkutan dengan bakat

atau kebolehan individu, dan sikap atau tingkah laku yang ditonjolkan secara semulajadinya.

Konsepsi keintelektualan Bennabi turut berkait dengan konsep intelek dalam Falsafah Pendidikan Negara. Intelek bermaksud kemampuan daya berfikir dan memahami dengan menggunakan akal budi yang terdapat pada diri seseorang. Ia turut merujuk kepada golongan tertentu seperti golongan cerdik pandai, cendekiawan dan mereka yang berilmu pengetahuan dan terpelajar (Kamus Dewan 2010). Asasnya, intelek ialah keupayaan seseorang menggunakan akalnya untuk berfikir secara teliti dan memahami sesuatu perkara secara mendalam (Syed Muhammad Naquib 1991). Intelek juga merupakan simbol asas kebijaksanaan seseorang atau sesebuah bangsa (Rahim 2008).

Justeru, penekanan pendidikan di Malaysia dalam konteks intelek bertujuan untuk membentuk manusia yang berkebolehan dan berkeupayaan berfikir aras tinggi sehingga mampu menganalisis sesuatu secara mendalam terutamanya semasa proses penyelesaian masalah dan pemahaman terhadap sesuatu perkara, di samping berkeupayaan untuk membaca sesuatu situasi dengan bijaksana. Daya intelek yang dibentuk dengan sebaiknya sudah tentu dapat melahirkan manusia (secara individu mahupun kelompok masyarakat) yang bijaksana dalam pelbagai lapangan keilmuan dan kehidupan.

Ini bermakna empat elemen yang ditekankan dalam falsafah pendidikan perlu dilaksanakan dan diterapkan secara kolaboratif dan kohesif. Keseimbangan empat elemen tersebut dalam pelaksanaan pendidikan perlu dibajai, disemai dan dipelihara sebaiknya oleh golongan yang dipertanggungjawabkan – terkas kepada golongan pendidik. Asasnya di sini ialah pendidikan memainkan peranan cukup besar dalam melahirkan manusia berilmu serta bersahsiah terpuji.

Sesungguhnya, manusia yang baik ialah manusia yang berilmu pengetahuan serta bertingkah laku mulia penuh kesantunan (Za’ba 1992). Pemikir ulung negara iaitu Syed Muhammad Naquib (2007: 10-11) menitikkan pandangannya:

“Insan yang baik itu ialah insan yang berilmu luhur, yang insaf akan tanggungjawab dirinya kepada Tuhannya yang Hak; insan yang memahami serta menyelenggarakan penunaian tanggungjawab terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya; insan yang serba-serbi tingkahlakunya senantiasa mengasuh dirinya menuju ke arah kesempurnaan sebagai insan adabi.”

Ini memaknakan setiap manusia perlu menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Antaranya ialah berusaha menjadi manusia baik lagi berilmu dengan bertingkah laku tertib, bersopan-santun dalam bertutur kata, serta berfikir bijak sebelum atau semasa melakukan sesuatu tindakan. Al-Ghazzali berpesan, “Janganlah anda menjadi seorang yang mufliis daripada sudut bertindak dan jangan jadikan dirimu itu kosong daripada perkara berfaedah. Yakinlah semata-mata dengan memiliki ilmu belum tentu lagi menjamin keselamatan di akhirat kelak” (Abdul Salam 2015:206).

Berdasarkan penekanan terhadap pemikiran Bennabi berlunaskan keperibadian dan keintelektualan, didapati bahawa ideanya merupakan simbol keuniversalan sejagat. Ini kerana idea pemikirannya dapat atau telah diterapkan dalam falsafah dan sistem pendidikan di Malaysia khususnya dan pendidikan seluruh dunia amnya. Buktinya di Malaysia merujuk kepada konsep JERI ditekankan dalam proses pengaplikasiannya dalam pendidikan masyarakat berperadaban.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, faham buruk memiliki ciri-ciri kehaiwanan atau kebinatangan seperti berpandangan dangkal, bodoh, berlagak pandai, jumud, mengabaikan hak diri dan bangsa, tidak berintegriti, menipu, malas dan sombong. Faham kehaiwanan ini merupakan suatu yang sangat menggerunkan kepada sesiapa sahaja yang memilikinya apatah lagi bagi mereka yang dijangkitinya merentasi generasi demi generasi.

Oleh itu, tokoh pemikir peradaban seperti Bennabi begitu menekankan elemen pembentukan keperibadian diri dan keintelektualan akal fikir apabila membicarakan mengenai pembangunan, kebangkitan dan kemajuan masyarakat. Keperibadian diri ditekankan Bennabi kerana ia dapat mengasah bakat dan sikap seseorang sama ada ke arah berkeperibadian unggul lagi mulia atau sebaliknya berkeperibadian buruk lagi hina. Keintelektualan akal fikir turut dititikberatkan kerana idea-idea dan pemikiran-pemikiran yang dihasilkan manusia dapat meletakkan bangsa dan masyarakatnya dalam lingkungan tertentu sama ada terkehadapan atau terkebelakang dalam sejarah kehidupan berperadaban.

Penekanan elemen keperibadian dan keintelektualan tersebut berkait rapat dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu merujuk kepada konsep JERI. Pendidikan di Malaysia begitu mengutamakan keseimbangan empat elemen asas tersebut. Ia bertujuan agar mereka yang lahir daripada sistem pendidikan negara ini dapat menjadi manusia yang seimbang antara fizikal, mental dan spiritual, selain cemerlang dalam kehidupan di dunia dan turut mengutamakan kehidupan abadi di akhirat kelak.

Akhirnya, kajian ini ingin menegaskan bahawa pendidikan ialah suatu kaedah terbaik dalam melahirkan masyarakat berkualiti, berintegriti dan berintelektual. Melalui pendidikan juga manusia yang mempunyai sifat dan tingkah laku buruk dapat dipulihkan menjadi manusia bermanfaat dan berguna kepada diri sendiri dan orang lain. Perlu diingat bahawa sebagai manusia, setiap perbuatan kita sama ada baik atau buruk akan dinilai disisinya, serta memperolehi sama ada ganjaran pahala atau balasan dosa daripada Allah Ta'ala. Perhalusi dan fikirkan peringatan daripada Allah Ta'ala dalam Surah al-Baqarah 2: 286, iaitu: “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia [manusia] akan mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya [dikerjakannya], dan ia [manusia] juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya [dilakukannya]”.

RUJUKAN

- Abdelaziz Berghout. 2013. Importance of religion, man and knowledge in civilizational development views of Malik Bennabi and Sa'id Nursi. *Journal of Islam in Asia* 10(2): 98-117.
- Abdul Salam Yussof. 2015. *Idea-Idea Pendidikan Berkesan Al-Ghazali dan Konfusius*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazzali. 2015a. *Bidayatul Hidayah*. Pokok Sena: Pustaka Darus Salam.
- Al-Ghazzali. 2015b. *Mukashafah al-Qulub*. Solahuddin al-Ashani (terj.). Batu Caves: Pustaka Al-Ehsan.
- Ali al-Quraisyiy. 1996. *Malik Bin Nabi dan Pergolakan Sosial*. Mohd Sofwan Amrullah (terj.). Jilid 1 & 2. Kuala Lumpur: YADIM.
- Azmi Arifin. 2012. Syed Hussein Alatas: Pemikiran Kolonial dan Gagasan 'Feudalisme Melayu'. *Akademika* 82 (1): 21-30.

- Bennabi, M. 1979. *Shurut al-Nahdah*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Bennabi, M. 1987. *Milad al-Mujtama'*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Bennabi, M. 1991. *Islam Dalam Sejarah dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bennabi, M. 1994. *Membangun Dunia Baru Islam*. Afif Muhammad & H. Abdul Adhiem (terj.). Bandung: Penerbit Mizan.
- Bennabi, M. 2005. *Krisis Intelektual Muslim*. Zulkarnain Mohamed & Farid Mat Zain (terj.). Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Bennabi, M. 2006. *Vocation D' Islam*. Bayrut: Dar Albouraq.
- Bennabi, M. 2009. *Asal Usul Masyarakat Manusia Rangkaian Hubungan Sosial*. Muhammad Uthman El-Muhammady (terj.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Faisal Mohamed Ali & Bagley C. 2015. Islamic education in a multicultural society: The case of a Muslim School in Canada. *Canadian Journal of Education* 38 (4): 1-26.
- Fawzia Bariun. 1992. Malik Bennabi and the intellectual problems of Muslim Ummah. *American Journal of Islamic Sciences* 9 (3):325-337.
- Fawzia Bariun. 1993. *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- H. Hasni Noor. 2015. Pendidikan akhlak dalam Al-Qur'an: Kajian Tafsir Tahlily. *Beranda (Al-'Ulum)* 63 (1): 10-18.
- Hamka. 2008. *Lembaga Budi Perhiasan Insan Cemerlang*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahathir Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*. Petaling Jaya: Federal Publications Sdn. Bhd.
- Mohamad Kamil Ab Majid. 1995. Pemikiran Malik Bin Nabi mengenai problem tamadun Dunia Islam kini. *Jurnal Usuluddin* 1: 32-46.
- Mohammad Arif. 2008. Pemikiran Malik Bin Nabi Tentang Sejarah. Disertasi Sarjana. Fakulti Usuluddin, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Mohamed El-Tahir El-Mesawi. 2007. Religion, society and culture in Malik Bennabi's thought. *The Blackwell Companion to Contemporary Islamic Thought* (BCI12):213-256.
- Mohd Shafiee Hamzah, Azli Fairuz Laki, Rahimah Embong & Nik Murshidah Nik Din. 2015. Penerapan akidah dalam dasar pendidikan Malaysia: Analisis terhadap falsafah pendidikan negara dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9: 1-11.
- Mohammad Nurhakim, M. Ag. 2008. Malik Bennabi dan strategi pembangunan peradaban alternatif bagi dunia ketiga. *Jurnal Al-Tamaddun* 3 (1): 113-130.
- Norazlan Hadi Yaacob & Aiza Maslan @ Baharudin. 2014. Manusia dan perkembangan peradaban: Beberapa aspek pemikiran Malik Bennabi dan Ali Syariati. *Journal of Human Capital Development* 7 (1): 83-97.
- Nordi Achie. 2011. *Manhaj Manusiawi Mutiara Maknawi*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Omar Mohd Hashim. 1991. *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahim Kaviani. 2008. Islam and intellectual sciences. *Jurnal Al-Tamaddun* 3 (1): 182-206.
- Saharia Ismail. 2015. Pembangunan insan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. *Journal of Human Capital Development* 8 (2): 83-99.
- Shaharir Mohd Zain. 2012. Sains keterlestarian mengikut perspektif Melayu Pra-Islam dan Melayu Islam. *Akademika* 82 (2): 101-108.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailani. 2016. Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Akademika* 86 (2): 31-42.
- Syed Hussein Al-Attas. 1977. *Intellectuals In Developing Societies*. London: Frank Cass.
- Syed Hussein Al-Attas. 2001. *Cita Sempurna Warisan Sejarah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1991. *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Za'ba. 1984. *Perangai Bergantung kepada Diri Sendiri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. 1992. *Mencapai Keluhuran Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar & Nurulrabihah Mat Noh. 2015. Pembangunan akhlak dan moral ke arah masyarakat lestari. *Al-Hikmah* 7 (2): 72-87.

Khairiah Mohd Yassin
Department of Civilisation & Philosophy
School of Languages, Civilisation & Philosophy
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah
Malaysia
E-mail: mykhairiah@uum.edu.my

Received: 23 August 2016

Accepted: 1 August 2017